

TAWARAN SKIM PEMBIAYAAN HAFIZ (SPH)

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

SESI 2017/2018

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mempelawa warga negara Malaysia yang telah ditawarkan untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Pertama dalam dan luar negara untuk memohon Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) bagi mengikuti pengajian sepenuh masa sesi pengajian 2017/2018. Pemohon yang ingin memohon SPH hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti yang berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. memiliki Diploma Tahfiz Al-Quran, Sijil Tahfiz Al-Quran, Sijil Tahfiz Malaysia (STM) yang dikeluarkan oleh Jakim dan Diploma Tahfiz Al-Quran yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) .
- iii. berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 25 tahun bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda dan tidak melebihi 30 tahun bagi peringkat Ijazah Lanjutan;
- iv. Tidak menerima apa-apa tajaan atau biasiswa daripada mana-mana agensi;
- v. Pelajar yang menerima pinjaman seperti PTPN atau mana-mana agensi pinjaman pendidikan adalah layak memohon. Pelajar yang menerima pinjaman perlu menamatkan pinjaman sekiranya ditawarkan SPH;
- vi. Telah menerima surat tawaran kemasukan ke tahun pertama pengajian dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi atau sedang mengikuti pengajian di tahun 2 dan ke atas; dan mempunyai kelayakan akademik seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Kelayakan Akademik

Bil.	Program Pengajian	Syarat Minimum Akademik
1.	Ijazah Sarjana Muda	<p>Diploma Tahfiz al-Quran Jakim / Diploma Tahfiz yang diiktiraf MQA PNGK 3.0 ke atas</p> <p>ATAU</p> <p>SPM 5 Kepujian / STPM 2 Prinsipal B (Syariah, Usuluddin, dan Bahasa Arab) / STAM Pangkat <i>Jayyid Jiddan</i></p> <p>+</p> <p>Sijil Tahfiz al-Quran Jakim PNGK 3.5 ke atas</p> <p>ATAU</p> <p>SPM 5 Kepujian / STPM 2 Prinsipal B (Syariah, Usuluddin, dan Bahasa Arab) / STAM Pangkat <i>Jayyid Jiddan</i></p> <p>+</p> <p>STM Pangkat <i>Mumtaz</i></p>
2.	Ijazah Sarjana Muda (tahun 2 dan ke atas)	<p>PNG/PNGK tahun pertama 3.5 ke atas</p> <p>+</p> <p>Diploma Tahfiz al-Quran PNGK 2.75 ke atas / Diploma Tahfiz yang diiktiraf MQA / Sijil Tahfiz al-Quran Jakim PNGK 3.0 ke atas / STM Pangkat <i>Mumtaz</i></p>

Bil.	Program Pengajian	Syarat Minimum Akademik
3.	Ijazah Sarjana	Ijazah Sarjana Muda PNGK 3.3 ke atas atau setaraf dan diiktiraf kerajaan + Diploma Tahfiz al-Quran PNGK 3.0 ke atas / Sijil Tahfiz al-Quran Jakim PNGK 3.5 ke atas / STM Pangkat <i>Mumtaz</i>

Pelajar yang tidak layak memohon adalah seperti yang berikut:

- (a) calon yang telah mendapat tajaan / biasiswa daripada mana-mana penaja;
- (b) pelajar yang sedang mengikuti kursus peringkat matrikulasi / Asasi Sains / Pra Universiti / *Foundation* / Pensijilan Tahfiz al-Quran / Pusat Bahasa;
- (c) perjawat awam; dan
- (d) pelajar yang sedang mengikuti program Pengajian Jarak Jauh.

BIDANG PENGAJIAN

- Luar negara - Ijazah Sarjana Muda - Bidang Pengajian Islam.
- Dalam Negara - Ijazah Sarjana Muda - Bidang Pengajian Islam, Sastera dan Sains Teknologi.
Ijazah Sarjana - Pengajian Islam.

TEMPAT PENGAJIAN

Dalam Negara :- Universiti Awam (UA) yang diiktiraf oleh kerajaan.

Luar negara :-

Jordan :

- I. Universiti Mu'tah
- II. Universiti Al-Balqa
- III. Universiti Al-Hashemite
- IV. Universiti Amman
- V. Universiti Jordan, Amman
- VI. Universiti Al-Albayt
- VII. Universiti Yarmouk

Mesir :

- I. Maahad Qiraat Al-Azhar
- II. Universiti Al-Azhar
- III. Maahad Qiraat Mansoura
- IV. Universiti Thanta

Indonesia :

- I. Institut Agama Islam Negeri Alauddin, Makassar
- II. Institut Agama Islam Negeri Antasari, Bandjarmasin
- III. Institut Agama Islam Negeri Imam Bondjol, Padang
- IV. Institut Agama Islam Negeri Raden Fatah, Palembang
- V. Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalidjaga
- VI. Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah
- VII. Institut Agama Islam Negeri Thaha Sjafuddin Djambi
- VIII. Institut Agama Islam Negeri Wali Songo, Semarang
- IX. Institut Agama Islam Raden Intan, Lampung
- X. Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh
- XI. Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Riau
- XII. Universitas Islam Negeri Sumatera Utara, Medan
- XIII. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya
- XIV. Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati, Bandung

KADAR SPH

Kadar yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan pada 11 Ogos 2017 (Jumaat)

CARA MEMOHON

Tatacara Permohonan adalah seperti yang berikut:

- i. Permohonan hanya boleh dibuat melalui aplikasi Mozilla Firefox / Chrome atas talian secara percuma dengan melayari portal Jakim di www.islam.gov.my atau sph.islam.gov.my.
- ii. Pemohon dibenarkan mengemas kini maklumat yang telah diisi pada bila-bila masa sehingga tarikh tutup permohonan. Hanya maklumat yang terkini sahaja diambil kira sebagai penerimaan permohonan;
- iii. Borang permohonan atas talian yang dimuat turun, dicetak, dan dihantar melalui pos tidak akan diproses;
- iv. Permohonan secara atas talian tidak memerlukan penghantaran salinan sājil-sājil, kecuali dinyatakan dalam ruangan cetak slip.
- v. Pemohon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak dan menyemak maklumat yang terkandung di dalam "Slip Pengesahan Permohonan SPH 2017" sebagai bukti bahawa permohonan telah dibuat.
- vi. Sebarang pertanyaan mengenai SPH boleh dibuat dengan menghubungi Bahagian Pembangunan Insan Jakim di talian 03-88707000 / 7181 / 7160 / 7179 atau melalui e-mail sph.islam@1govyc.gov.my atau sph_jakim@yahoo.com.

PERINGATAN MESRA

PERMOHONAN YANG TELAH DIISI HENDAKLAH DISIMPAN DAHULU DAN DIHANTAR SELEPAS KEPUTUSAN UPU KELUAR.